



KEMPEN BELANJA SEKOLAH – KATEGORI PEMEGANG KAD

Kempen ini dianjurkan oleh Bank Rakyat. Dengan menyertai kempen ini, peserta yang layak (seperti yang ditakrifkan di bawah) hendaklah dan telah membaca serta memahami sepenuhnya semua terma dan syarat di sini dan bersetuju sepenuhnya untuk terikat dan menerima semua terma dan syarat yang terkandung disini.

TEMPOH KEMPEN

Kempen ini bermula pada **10 Mac 2024** dan berakhir pada **31 Disember 2024** (“Tempoh Kempen”), termasuk kedua-dua tarikh, melainkan diberitahu sebaliknya.

TERMA & SYARAT

Berikut adalah terma dan syarat yang terpakai untuk Kempen ini (“T&S”):

KELAYAKAN

1. Kempen ini terbuka kepada semua pemegang kad Mesin Wang Automatik (“ATM”) atau Kad Kredit Bank Rakyat (selepas ini dirujuk sebagai “**Pemegang Kad**”).

TATACARA KEMPEN DAN PEMILIHAN PEMENANG

2. Untuk menyertai Kempen ini, Pemegang Kad mesti memenuhi kriteria berikut (“**Kriteria Kelayakan**”):
 - (I) Membuat pembayaran kepada peniaga di dalam kawasan sekolah dengan menggunakan **Kad Debit-i** atau **Kad Kredit-i Bank Rakyat** samada melalui cara sentuh atau tanpa sentuh; dan
 - (II) Setiap pembelian hendaklah dengan jumlah **minimum Ringgit Malaysia Lima (RM5)**.

(Pelanggan yang telah memenuhi keperluan berkaitan yang dinyatakan di bawah Klausula 2 diatas selepas ini dirujuk sebagai “**Pemegang Kad yang Layak**”).

3. Tempoh Kempen akan dibahagikan kepada enam (10) bulan (iaitu Bulan 1, Bulan 2, Bulan 3 dan seterusnya hingga bulan ke 10 seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah (“**Bulan Kempen**”))
4. Hadiah dibahagikan kepada empat (4) kategori iaitu Hadiah Utama, Tempat Pertama, Tempat Kedua dan Tempat Ketiga seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 1** di bawah.
5. Setiap pemenang Hadiah Utama layak menerima hanya satu (1) Hadiah Utama.
6. Pemenang Hadiah Bulanan layak menerima hanya satu (1) Hadiah Bulanan sepanjang Tempoh Kempen tetapi layak untuk memenangi Hadiah Utama di akhir Tempoh Peraduan.



Jadual 1

Hadiah bagi Kategori Pemegang Kad		
Kategori Hadiah	Jumlah Pemenang	Kaedah Pemilihan Pemenang
Hadiah Utama RM1,0000	1 Pemenang sepanjang tempoh Kempen	Jumlah nilai transaksi terkumpul (RM) sepanjang Tempoh Kempen
Tempat Pertama RM500	1 Pemenang setiap Bulan Kempen	Jumlah nilai transaksi terkumpul (RM) bagi Bulan Kempen tersebut
Tempat Kedua RM300	1 Pemenang setiap Bulan Kempen	Jumlah nilai transaksi terkumpul (RM) bagi Bulan Kempen tersebut
Tempat Ketiga RM100	3 Pemenang setiap Bulan Kempen	Jumlah nilai transaksi terkumpul (RM) bagi Bulan Kempen tersebut

7. Pihak penganjur berhak menukar atau melanjutkan Tempoh Peraduan mengikut budi bicara mutlaknyanya tanpa sebarang notis.
8. Pemenang Hadiah Bulanan akan dipilih selewat-lewatnya hari ke tiga (30) bagi bulan berikutnya dan Pemenang Hadiah Utama akan dipilih selewat-lewatnya hari ke tiga puluh (30) pada penghujung Tempoh Kempen.
9. Undian adalah menggunakan Sistem Undian Bank Rakyat.
10. Hadiah akan dikreditkan ke dalam Akaun Simpanan-i atau Kad Kredit-i yang dibuka dan diselenggara oleh Pemenang. Pemenang akan dimaklumkan sebaik sahaja Hadiah telah dikreditkan.
11. Hadiah Utama dan Hadiah Bulanan tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar dengan produk, cek dan/atau manfaat barangan.
12. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Bank tidak bertanggungjawab ke atas semua liabiliti yang timbul daripada sebarang penangguhan atau kelewatan dalam menyediakan hadiah disebabkan sebarang keadaan yang tidak dijangka di luar kawalan munasabah Bank.
13. T&S ini akan ditadbir dan dianggap mengikut undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad yang Layak bersetuju untuk tunduk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai T&S ini, sila e-mail kami di acquiring@bankrakyat.com.my; atau hubungi Pusat Panggilan Bank Rakyat di talian 1300 80 5454; atau kunjungi cawangan Bank Rakyat berdekatan; atau layari www.bankrakyat.com.my.



KEMPEN BELANJA SEKOLAH – KATEGORI KANTIN & KOPERASI

Kempen ini dianjurkan oleh Bank Rakyat. Dengan menyertai kempen ini, peserta yang layak (seperti yang ditakrifkan di bawah) hendaklah dan telah membaca serta memahami sepenuhnya semua terma dan syarat di sini dan bersetuju sepenuhnya untuk terikat dan menerima semua terma dan syarat yang terkandung disini.

TEMPOH KEMPEN

Kempen ini bermula pada **10 Mac 2024** dan berakhir pada **31 Disember 2024** (“Tempoh Kempen”), termasuk kedua-dua tarikh, melainkan diberitahu sebaliknya.

TERMA & SYARAT

Berikut adalah terma dan syarat yang terpakai untuk Kempen ini (“T&S”):

KELAYAKAN

1. Kempen ini melibatkan semua pengusaha kantin dan kedai koperasi (selepas ini dirujuk sebagai “**Peniaga**”) di dalam kawasan sekolah yang terlibat. Sekolah baru yang menyertai Program Sekolah Tanpa Tunai sepanjang tempoh kempen adalah layak untuk mengambil bahagian.

TATACARA KEMPEN DAN PEMILIHAN PEMENANG

2. Untuk menyertai Kempen ini, Peniaga mesti memenuhi kriteria berikut (“**Kriteria Kelayakan**”):
 - (III) Menerima pembayaran daripada pelanggan di dalam kawasan sekolah dengan menggunakan **Kad Debit** atau **Kad Kredit** mana-mana Bank yang berdaftar di Malaysia samada melalui cara **sentuh** atau **tanpa sentuh**; dan
 - (IV) Tiada jumlah minimum ditetapkan untuk penerimaan pembayaran.

(**Peniaga** yang telah memenuhi keperluan berkaitan yang dinyatakan di bawah Klausula 2 diatas selepas ini dirujuk sebagai “**Peniaga yang Layak**”).
3. Tempoh Kempen akan dibahagikan kepada sepuluh (10) bulan (iaitu Bulan 1, Bulan 2, Bulan 3 dan seterusnya hingga bulan ke 10 seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah (“**Bulan Kempen**”).
4. Hadiah dibahagikan kepada empat (4) kategori iaitu Hadiah Utama, Tempat Pertama, Tempat Kedua dan Tempat Ketiga seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 1** di bawah.
5. Setiap pemenang Hadiah Utama layak menerima hanya satu (1) Hadiah Utama.
6. Pemenang Hadiah Bulanan layak menerima hanya satu (1) Hadiah Bulanan sepanjang Tempoh Kempen tetapi layak untuk memenangi Hadiah Utama di akhir Tempoh Peraduan.
7. Jika tiada pemenang baru bagi bulan tersebut, maka pemenang yang telah menerima hadiah bulan sebelumnya akan dipilih.



Jadual 1

Hadiah bagi Kategori Kantin & Koperasi		
Kategori Hadiah	Jumlah Pemenang	Kaedah Pemilihan Pemenang
Hadiah Utama RM1,0000	1 Pemenang sepanjang tempoh Kempen	Jumlah nilai transaksi terkumpul (RM) sepanjang Tempoh Kempen
Tempat Pertama RM500	1 Pemenang setiap Bulan Kempen	Jumlah nilai transaksi terkumpul (RM) bagi Bulan Kempen tersebut
Tempat Kedua RM300	1 Pemenang setiap Bulan Kempen	Jumlah nilai transaksi terkumpul (RM) bagi Bulan Kempen tersebut
Tempat Ketiga RM100	3 Pemenang setiap Bulan Kempen	Jumlah nilai transaksi terkumpul (RM) bagi Bulan Kempen tersebut

8. Pihak penganjur berhak menukar atau melanjutkan Tempoh Peraduan mengikut budi bicara mutlaknyanya tanpa sebarang notis.
9. Pemenang Hadiah Bulanan akan dipilih selewat-lewatnya hari ke sepuluh (10) bagi bulan berikutnya dan Pemenang Hadiah Utama akan dipilih selewat-lewatnya hari ke sepuluh (10) pada penghujung Tempoh Kempen.
10. Undian adalah menggunakan Sistem Undian Bank Rakyat.
11. Hadiah akan dikreditkan ke dalam Akaun Simpanan-i atau Kad Kredit-i yang dibuka dan diselenggara oleh Pemenang. Pemenang akan dimaklumkan sebaik sahaja Hadiah telah dikreditkan.
12. Hadiah Utama dan Hadiah Bulanan tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar dengan produk, cek dan/atau manfaat barangan.
13. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Bank tidak bertanggungjawab ke atas semua liabiliti yang timbul daripada sebarang penangguhan atau kelewatan dalam menyediakan hadiah disebabkan sebarang keadaan yang tidak dijangka di luar kawalan munasabah Bank.
14. T&S ini akan ditadbir dan dianggap mengikut undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad yang Layak bersetuju untuk tunduk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai T&S ini, sila e-mail kami di acquiring@bankrakyat.com.my; atau hubungi Pusat Panggilan Bank Rakyat di talian 1300 80 5454; atau kunjungi cawangan Bank Rakyat berdekatan; atau layari www.bankrakyat.com.my.